

## **SEJARAH ILMU PERBANDINGAN AGAMA DAN KEPENTINGANNYA**

Oleh:  
Fatimah binti Ali<sup>1</sup>

### **Abstrak**

*Tulisan ini menyingkap asal usul dan sejarah ilmu perbandingan agama. Ia merupakan suatu ilmu ciptaan orang Islam yang diinspirasikan oleh ayat-ayat al-Quran dan Hadis. Ilmu ini wujud dan tenggelam timbul dalam masyarakat Islam akibat pengaruh orang bukan Islam dan taasub orang Islam sendiri terhadap mazhab mereka. Namun, kepentingan ilmu ini terserlah juga akhirnya setelah ia seolah-olah berpindah ke tangan masyarakat Kristian yang menggunakannya dalam penyebaran agama mereka. Sehubungan itulah orang-orang Islam bangkit untuk membina dan menyemarakkan semula ilmu ini dengan menulis pelbagai buku mengenainya sehingga ilmu Perbandingan Agama diterima sebagai suatu subjek penting dalam pengajian Usuluddin.*

### **PENDAHULUAN**

Perbandingan agama adalah salah satu subjek yang biasanya ditawarkan pada peringkat kolej atau universiti, di mana pengajian Islam khususnya Usuludin ditawarkan. Subjek ini mendedahkan kepada pelajar berkenaan agama-agama dunia iaitu Kristian, Yahudi, Budha, Hindu dan lain-lain yang bertujuan untuk menjelaskan perbezaan agama-agama tersebut berbanding agama Islam. Perbincangan ilmu ini adalah meliputi asal usul serta ajaran-ajaran setiap agama yang berkenaan.

Al-Quran telah menyarankan kepada umat Islam supaya berdialog dengan ahli kitab dengan cara yang terbaik. Allah S.W.T sendiri

---

<sup>1</sup> Fatimah binti Ali, MA, Pensyarah Jabatan al-Dakwah Wal Qiadah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kelantan.

memperkenalkan diriNya sebagai satu-satunya Tuhan yang layak disembah di samping menyentuh tentang Tuhan palsu yang disembah oleh sesetengah manusia. Hadis juga merakamkan dialog-dialog agama yang berlaku antara Rasulullah SAW dengan penganut Kristian yang menyebabkan mereka itu masuk Islam. Itulah asas perbandingan agama yang akan dibincang dalam artikel ini. Perbincangan berkenaan ilmu ini perlu diketengahkan kerana ia sangat berguna dalam penyebaran agama Islam dan sekali gus dapat mempertingkatkan lagi kesan positif dalam pelaksanaan dakwah Islam pada setiap tempat dan masa.

## **KEDUDUKAN AGAMA DALAM KEHIDUPAN MANUSIA**

Manusia menganut pelbagai agama dan mazhab. Manusia yang berakal akan memilih untuk dirinya agama yang betul yang sesuai dengan naluri semula jadi dan akal. Dengan berpegang kepada agama yang sahih, manusia mampu membina kehidupan yang ideal yang boleh memberikannya kebahagiaan dunia dan akhirat. Kajian mengenai agama-agama akan menyingkap perbandingan di antara agama yang hak dengan agama-agama yang batil. Seseorang akan berasa lebih tenang jika agama yang dianutinya terbukti benar serta dapat dibuktikan kebenarannya melalui data-data dan hujah-hujah yang bersifat akademik.

Orang-orang yang beriman dengan agama yang betul pula berkewajipan untuk menyebarkannya kepada orang lain dengan pendekatan yang jitu serta diperteguhkan dengan fakta-fakta dan hujah-hujah yang mantap. Tanggungjawab ini tidak akan dapat dilakukan kecuali dengan mengkaji agama-agama dan membuat perbandingan di antara agama-agama berkenaan. Manusia pernah hidup dalam tempoh yang lama, memikul senjata menumpahkan darah demi menyebarkan agama sendiri atau memaksa orang lain menerima sesuatu pegangan. Sekiranya manusia tahu kebebasan pemikiran yang sebenar dan membuka jalan untuk mengkaji agama-agama serta membuat perbandingan di antara agama-agama yang wujud di dunia ini, mereka tentunya akan dapat mengambil faedah yang terbaik daripadanya.

Sesungguhnya tujuan risalah ketuhanan ialah untuk membuka akal dan hati. Perjuangan utama dalam kehidupan para nabi ialah menyebarkan akidah tauhid dan syariat Islam yang telah diwahyukan oleh Allah S.W.T. Mereka menanggung pelbagai kesukaran. Orang-orang mukmin juga pada mulanya menjadi korban golongan yang angkuh yang ingin mempertahankan pegangan mereka yang sesat. Tetapi bantuan ilahi

datang juga kemudiannya yang memungkinkan keadilan dan kebenaran bertapak di bumi ini.<sup>2</sup> Allah S.W.T berfirman:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِرُسُلِهِمْ لَنُخْرِجَنَّكُمْ مِّنْ أَرْضِنَا أَوْ  
لَتَعُوذُنَّ فِي مِلَّتِنَا فَأَوْحَىٰ إِلَيْهِمْ رَبُّهُمْ لَنُهْلِكَنَّ الظَّالِمِينَ ﴿٦٦﴾  
وَلَنُسَكِّنَنَّكُمْ الْأَرْضَ مِنْ بَعْدِهِمْ ذَٰلِكَ لِمَنِ خَافَ مَقَامِي  
وَحَافَ وَعِيدِ ﴿٦٧﴾ وَأَسْتَفْتَحُوا وَخَابَ كُلُّ جَبَّارٍ عَبِيدِ ﴿٦٨﴾  
وَرَأَيْهِ جَهَنَّمَ وَيُسْقَىٰ مِنْ مَّاءٍ صَدِيدٍ ﴿٦٩﴾ يَتَجَرَّعُهُ وَلَا يَكَادُ  
يُسِفُّهُ وَيَأْتِيهِ الْمَوْتُ مِنْ كُلِّ مَكَانٍ وَمَا هُوَ بِمَيِّتٍ ﴿٧٠﴾  
وَرَأَيْهِ عَذَابٌ غَلِيظٌ ﴿٧١﴾

Maksudnya: "Dan berkatalah pula orang-orang yang kafir itu kepada rasul-rasul mereka: 'Demi sesungguhnya kami akan mengeluarkan kamu dari negeri kami atau kamu menjadi seagama dengan kami'. Lalu Tuhan wahyukan kepada rasul-rasulNya: 'Demi sesungguhnya kami akan membinasakan orang-orang yang zalim, dan demi sesungguhnya Kami akan tempatkan kamu di negeri itu sesudah binasanya kaum yang zalim itu; balasan baik yang demikian, adalah bagi orang-orang yang takut akan sikap keadilanKu (menghitung amalnya), dan takut akan janji-janji azabKu'. Dan (rasul-rasul serta umatnya yang beriman) memohon pertolongan (kepada Allah, untuk mendapat kemenangan); dan terkecewalah tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi bersikap degil (dalam keingkarannya). Di belakangnya disediakan neraka Jahannam, dan ia akan diberi minum dari air damur (yang keluar dari tubuh ahli neraka). Ia meminumnya dengan terpaksa dan hampir-hampir tidak dapat diterima oleh tekaknya (kerana busuknya), dan ia didatangi (penderitaan) maut dari segala arah, sedang ia tidak pula mati (supaya terlepas dari azab seksa itu); dan selain dari itu, ada lagi azab seksa yang lebih berat". (Surah Ibrahim (14): 13-17).

<sup>2</sup> Dr. Muhammad Sayyid Ahmad al-Muyassar (2000), *al-Madkhal li Dirasat al-Adyan*. Kaherah: Dar al-Nada, h. 125.

## **ASAL-USUL KEPERCAYAAN MANUSIA KEPADA AGAMA**

Dewasa ini, sebahagian besar manusia percaya kepada adanya Tuhan iaitu suatu zat yang mencipta alam ini dan juga yang mencipta manusia itu sendiri. Dalam hal ini, manusia mempunyai pendapat yang sama.

Tetapi apabila dilanjutkan lagi konsepsi ketuhanan ini, pendapat manusia menjadi pelbagai ragam. Orang Islam mengakui Tuhan mereka ialah Allah Maha Esa; tiada satupun yang menyamainya. Orang Kristian pula mengakui Tuhan bersifat trinititi, tritunggal, ada Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Ruhul Qudus, di mana menurut mereka, ketiga-tiganya itu sebenarnya satu sahaja. Orang Hindu juga mengakui ketigaaan Tuhan (trimurti) iaitu Tuhan Pencipta yang disebut Brahma, Tuhan Pemelihara yang disebut Wisnu dan Tuhan pembinasakan yang disebut Siva. Menurut mereka, ketiga-tiga itu adalah tiga wajah daripada Tuhan yang satu juga. Tetapi di samping Tuhan dengan tiga wajah itu, dipercayai pula adanya Tuhan-Tuhan yang lebih rendah darjat dan kekuasaannya.<sup>3</sup>

Demikianlah kepelbagaian kepercayaan manusia kepada Tuhan. Ada yang mempercayai kemutlakan keesaan Tuhan. Kepercayaan seperti ini dikenali sebagai monoteisme. Biasanya orang menggolongkan agama-agama Yahudi, Kristian dan Islam sebagai agama yang menganut monoteisme. Tetapi mengikut perkembangan dewasa ini monoteisme yang dijumpai dalam ketiga-tiga agama ini tidak sama. Dalam agama Kristian misalnya, setelah diubah dan dipinda, mereka akhirnya berpegang kepada konsep "Tiga yang esa atau tiga tunggal (*trinity*)". Jadi, keesaan Tuhan menurut agama Kristian sudah menjadi tidak mutlak lagi.

Daripada ketiga-tiga agama yang dikategorikan sebagai agama monoteisme di atas, Islamlah satu-satunya agama yang mengakui keesaan Tuhan secara mutlak. Bagi agama Islam, Tuhan itu adalah Maha Esa. Kewujudan Tuhan yang Maha Esa itu tidak didahului oleh tiada dan tidak diakhiri oleh tiada. Tiada satupun yang sama denganNya, tiada satupun yang menyamai kekuasaannya. Dia tidak dapat digambarkan dan tidak mungkin dikhayalkan, Dia tidak terikat kepada tempat, tidak terikat kepada masa dan tidak terikat kepada ruangan. Dia tidak perlu kepada yang lain, sebaliknya segala sesuatu adalah yang berhajat kepadanya. Apa yang dikehendakiNya pasti terjadi dan tiada suatu kekuasaan pun yang dapat menghalangNya.

---

<sup>3</sup> Dr. O.K. Rahmat S.H. (1976), *Dari Adam Sampai Muhammad*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, h. 2-4.

Agama Hindu biasanya dikategorikan sebagai agama politeisme, artinya kepercayaan kepada banyak Tuhan. Meskipun demikian, unsur monoteisme masih kelihatan dalam kepercayaan agama Hindu. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini bahawa agama Hindu juga mempercayai Tuhan yang esa, cuma tuhan itu mempunyai tiga wajah yang digambarkan dalam berhala-berhala dan lukisan-lukisannya. Lalu setiap wajah itu disembah orang. Ada orang Hindu yang menyembah Brahma, ada yang menyembah Wisynu dan ada yang menyembah Siva.

Di kalangan manusia yang primitif ada kepercayaan yang dikenali sebagai dinamisme dan animisme. Dinamisme ialah kepercayaan kepada adanya tenaga yang tidak berperibadi dalam diri makhluk-makhluk yang wujud di alam ini sama ada yang bernyawa mahupun yang tidak bernyawa (jamad). Makhluk alam mungkin berupa manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan, benda dan kata-kata yang diucapkan atau dirakamkan. Kepercayaan dinamisme biasanya menimbulkan *magi* atau tindakan yang bermaksud menguasai tenaga ghaib yang tersimpan di dalam makhluk alam itu dengan cara yang tertentu, sehingga tenaga ghaib itu dapat dipergunakan untuk kemanfaatan sendiri.

Animisme pula ialah kepercayaan tentang adanya jiwa dan roh yang dapat mempengaruhi kehidupan manusia. Roh dipercayai mempunyai hukum yang tersendiri, hukum *super natural* yang tidak terikat kepada waktu dan tempat, dan tidak tunduk kepada hukum alam yang biasa. Mereka hidup abadi. Kepercayaan animisme menimbulkan *religi* iaitu pemujaan roh untuk memperolehi manfaat yang tertentu. Suatu peribadatan yang lebih maju daripada animisme ialah pemujaan nenek moyang. Pemujaan nenek moyang dikatakan berpengaruh di negeri-negeri Cina dan Jepun serta beberapa kawasan di Afrika.<sup>4</sup>

## **1. Mazhab Evolusi**

Di kalangan ahli sejarah antropologi kebudayaan, ada yang mengambil bidang agama dan kepercayaan manusia sebagai objek penyelidikannya. Antara mereka ialah Edward B Tylor. Pada kira-kira 90 tahun yang lampau, beliau mengeluarkan pendapat bahawa dalam peringkat pertama, manusia mempercayai adanya makhluk-makhluk halus yang berperibadi. Boleh jadi makhluk itu bernama roh, hantu, jin ataupun arwah nenek moyang. Biasanya penganut animisme itu mereka yang hidup dalam peringkat perekonomian primitif. Tumbuhnya kepercayaan ini pada manusia ialah ketika dia menghadapi fakta yang dijumpainya

---

<sup>4</sup> *Ibid.*

dalam mimpi iaitu fakta pengalaman khayali berkenaan adanya hidup dan mati.

Mengikut ilmu pengetahuan, mimpi itu adalah semacam halusinasi iaitu pengalaman khayali yang tidak boleh diraba secara nyata. Dalam mimpi, seseorang akan menempuh pelbagai pengalaman. Kadang-kadang mengalami penderitaan dan rasa sedih. Ada juga yang menikmati pengalaman yang menyenangkan. Dalam mimpi juga seseorang berasa mengunjungi tempat-tempat yang tidak pernah dijejak kakinya, dia merasa mengembara pada hal tubuhnya terbaring di atas katil. Sehubungan itu, orang primitif mengambil kesimpulan bahawa ada sesuatu yang keluar dari tubuh kasarnya mengembara ke sana ke mari. Bagi mereka, yang mengembara itu ialah tubuh halus manusia yang keluar dari tubuh kasarnya. Dengan demikian, mereka membahagikan manusia kepada dua unsur iaitu tubuh kasar dan keduanya ialah jiwa atau roh yang menghidupkan tubuh kasar itu. Mereka percaya bahawa tubuh kasar boleh mati manakala roh pula adalah bersifat kekal abadi.

Orang primitif percaya bahawa bukan manusia sahaja yang mempunyai roh, bahkan makhluk lain juga turut mempunyai roh. Alasan mereka ialah kerana manusia kerap kali bermimpi bertemu dengan binatang, tumbuh-tumbuhan, batu, ladang, sungai dan lain-lain. Daripada mempercayai roh, manusia primitif meningkat mempercayai hantu-hantu dan mangabdikan diri kepada arwah nenek moyang.

Manakala peringkat perekonomian bertambah maju, misalnya telah beralih kepada kehidupan bertani atau berternak, tidak lagi memungut buah-buahan hutan atau berburu, maka tumbuhlah kepercayaan politeisme. Semakin maju kebudayaan manusia, jumlah roh diminimalkan, darjatnya diangkat menjadi lebih tinggi dan kekuasaannya semakin diperbesarkan, lalu diberi nama Tuhan, dewa dan sebagainya.

Menurut Tylor, kepercayaan manusia yang bermula daripada politeisme berubah secara beransur-ansur kepada kepercayaan monoteisme, mempercayai hanya kepada satu Tuhan. Mengikut Tylor, agama monoteisme hanya merupakan hasil terakhir daripada perkembangan kecerdasan manusia selepas melalui animisme, politeisme, lalu sampai kepada monoteisme.

Demikianlah pendapat Tylor mengenai kepercayaan manusia terhadap Tuhan. Tylor tidak memperkatakan apakah sesudah manusia mencapai monoteisme dalam kepercayaannya, mereka akan berevolusi terus atau berhenti sampai di situ sahaja. Kalau berevolusi terus, apakah

menuju kepada ateisme atau tidak mengakui kewujudan Tuhan. Kalau begitu, penganut ateisme boleh mempergunakan hepotesis Tylor sebagai landasan bertolak.<sup>5</sup>

## **2. Pendapat Ilmiah**

Untuk mencari agama yang paling asli dan yang mula-mula dianut oleh manusia, Wilhelm Schmidt telah mengumpulkan banyak fakta dan dalil yang diperolehinya daripada seluruh muka bumi ini. Daripada fakta-fakta yang diperolehinya, beliau mengambil kesimpulan bahawa agama yang pertama dan yang paling asli ialah memuliakan WUJUD YANG MAHA AGUNG. Agama tua ini dinamainya Monoteisme Permulaaan. Kemudian ia berubah disebabkan oleh perkembangan sejarah.

Menurut Dr O. K. Rahmat, di Kepulauan Nusantara ini dijumpai konsep ketuhanan yang maha esa pada agama asli penduduk. Dapat dipastikan kepercayaan ini bukanlah kerana pengaruh agama Islam dan Kristian. Agama Hindu Bali di Indonesia contohnya dinamakan Hindu-Bali kerana beberapa kelainannya dengan agama Hindu India. Di antara kelainannya ialah pengakuan mereka kepada tuhan yang maha esa yang mereka namai Sang Hyang Widhi, konsep dan nama yang tidak ada dalam Hinduisme India. Orang Sunda (Jawa Barat, Indonesia) sebelum Islam mengenal Sang Hyang Tunggal (Tuhan Yang Esa).<sup>6</sup>

Menurut Andrew Lang, agama tauhid itu telah pun ada sejak dahulu lagi. Kemudiannya ia diselewengkan oleh manusia sehingga lahirlah agama-agama yang mempercayai banyak tuhan. Menurut beliau, penyelewengan itu adalah berpunca daripada kegemaran manusia membuat mitos dan dongengan, di mana mereka mengkhayalkan dewa-dewa dan dewi-dewi, mambang, pari dan jembalang. Lalu tokoh-tokoh ini dimainkan dalam cerita yang dikarangnya dan kadang-kadang berisi ajaran falsafah. Dalam perkembangan ini, Tuhan Yang Maha Esa masih lagi terlihat meskipun dalam bayangan yang samar-samar, sehingga ada orang yang lebih banyak menumpahkan perhatiannya kepada dewa dewi ciptaan manusia sehingga tuhan yang sebenarnya diletak di belakang. Inilah salah satu faktor yang menumbuhkan kepercayaan politeisme.

Andrew Lang kemudiannya menegaskan tugas nabi-nabi yang dikatakan sebagai *reformer* atau penyusun kembali ialah berjuang untuk menegakkan kembali kedaulatan Tuhan Yang Maha Esa di tengah-tengah

---

<sup>5</sup> *Ibid.*, h. 4-6.

<sup>6</sup> *Ibid.*, h. 7-9.

penyembahan berhala dan dewa-dewa iaitu di tengah-tengah kepercayaan manusia yang telah terseleweng. Nabi-nabi itu berusaha dengan bersungguh-sungguh agar manusia kembali kepada kepercayaannya yang asal iaitu kepercayaan kepada Tuhan yang tiada sekutu baginya.<sup>7</sup>

### 3. Penjelasan Islam

Pendapat ilmiah di atas sesuai dengan penjelasan Islam, di mana Islam telah menegaskan bahawa manusia yang pertama iaitu Adam adalah seorang nabi atau manusia yang meyakini dan berhamba abdi kepada Allah S.W.T, Tuhan Yang Maha Esa. Justeru itu, Islam adalah agama asal manusia sejak nabi Adam a.s sehinggalah ke zaman Rasulullah SAW. Sehubungan ini, Allah S.W.T telah berfirman:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

Maksudnya: "Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam". (Surah Ali 'Imran (3): 19).

Ayat di atas dengan tegas menjelaskan bahawa satu-satunya agama yang bersumber dari sisi Allah S.W.T ialah agama Islam. Sekali gus ayat di atas mengisyaratkan bahawa Islam adalah satu-satunya agama yang telah diwahyukan kepada sekalian nabi dan rasul a.s bermula daripada Nabi Adam a.s sebagai manusia yang pertama sehinggalah kepada nabi Muhammad SAW. Allah berfirman:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَرِيمُ وَلَكِنْ أَكْثَرُ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: "(Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui". (Surah al-Rum (30): 30).

<sup>7</sup> Ibid., h. 9-12.

Sehubungan ini, Dr. O.K. Rahmat membuat kesimpulan bahwa Islam itu bukanlah hasil daripada suatu evolusi dalam perkembangan fikiran manusia terhadap Tuhan. Ia sebaliknya merupakan suatu ketetapan dan fitrah Allah ke atas manusia seluruhnya. Pengenalan manusia kepada Tuhan Yang Maha Esa bukanlah kerana pelajaran atau pengalaman, bahkan berasaskan fitrah asal yang ada dalam jiwa setiap manusia itu sendiri.<sup>8</sup>

### KAITAN ILMU PERBANDINGAN AGAMA DENGAN AL-QURAN DAN HADIS

Al-Qur'an al-Karim meletakkan asas ilmu perbandingan agama. Allah S.W.T telah berfirman:

• وَلَا تُجَادِلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ ۖ وَقُولُوا ءَامَنَّا بِالَّذِي أُنزِلَ إِلَيْنَا وَأُنزِلَ إِلَيْكُمْ وَإِلَهُنَا وَإِلَهُكُمْ وَاحِدٌ وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ ﴿١٣٠﴾

Maksudnya: "Dan janganlah kamu berbahas dengan ahli kitab melainkan dengan cara yang lebih baik, kecuali orang-orang yang berlaku zalim di antara mereka; dan katakanlah (kepada mereka): "Kami beriman kepada (Al-Quran) yang diturunkan kepada kami dan kepada (Taurat dan Injil) yang diturunkan kepada kamu; dan Tuhan kami, juga Tuhan kamu, adalah satu; dan kepadaNya, kami patuh dengan berserah diri". (Surah al-'Ankabut (29): 46).

Berdebat dengan cara lebih baik itulah yang menjadi asas kepada ilmu perbandingan agama. Selain itu, terdapat juga ayat-ayat lain yang mendorong kepada perbandingan agama. Antaranya ialah firman Allah Taala:

لَوْ كَانَ فِيهِمَا ءِلَهَةٌ إِلَّا اللَّهُ لَفَسَدَتَا ۖ فَسُبْحَنَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿٢٢﴾

Maksudnya: Kalau ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan yang lain dari Allah, nescaya rosaklah pentadbiran kedua-

<sup>8</sup> Ibid., h. 13.

*duanya, maka (bertauhidlah kamu kepada Allah dengan menegaskan): Maha suci Allah, Tuhan Yang Mempunyai Arasy, dari apa yang mereka sifatkan". (Surah al-Anbiya' (21): 22).*

Ayat di atas menjelaskan perbezaan antara (توحيد) dan berbilang atau banyak Tuhan (تعدد) dan menjelaskan bahawa (تعدد) adalah sebab kerosakan. Allah S.W.T telah berfirman:

أَفَمَنْ يَخْلُقُ كَمَنْ لَا يَخْلُقُ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿١٦﴾

Maksudnya: "Adakah Allah yang menciptakan semuanya itu sama seperti makhluk-makhluk yang tidak menciptakan sesuatu? Maka patutkah kamu lalai sehingga kamu tidak mahu beringat serta memikirkannya?". (Surah al-Nahl (16): 17).

Dalam ayat di atas juga terdapat penafian persamaan antara Pencipta Yang Agung (Allah) dengan tuhan-tuhan yang disembah selainNya yang tidak mampu berbuat apa-apa.

Di samping itu al-Qur'an ada berbincang tentang agama-agama lain sama ada agama langit atau agama budaya. Ia memperkatakan tentang orang-orang Yahudi dan agama Yahudi. Ia juga berbincang mengenai al-Masih Isa a.s. dan agama Kristian. Selain itu, ia menyentuh berkenaan penyembahan berhala, *taghut* dan malaikat. Al-Qur'an menamakannya sebagai agama walaupun salah, sebagaimana firman Allah Taala:

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ﴿١٠٩﴾

Maksudnya: "Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku". (Surah al-Kafirun (109): 6).

Rasulullah SAW sendiri telah mengambil berat terhadap ilmu perbandingan agama. Ini dapat difahami melalui buku-buku hadis dan sirah. Ibn Hisham merakamkan suatu perbualan yang indah antara Rasulullah SAW dan 'Adi bin Hatim al-Ta'iy yang menganut agama Kristian. Ia merupakan satu kajian yang baik dalam perbandingan agama. Pernah berlaku perbincangan atau dialog antara Rasulullah SAW dan seorang Yahudi mengenai kitab suci (bible) yang menjelaskan tentang Yahudi. Yahudi tersebut bertanya: Apa bukti kamu bahawa al-Qur'an itu daripada Allah? Lalu datang jawapan daripada Allah S.W.T:

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْقُرْآنَ ۚ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ

أَخْتِلَافًا كَثِيرًا ﴿٨٢﴾

Maksudnya: "Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi Al-Quran? kalaulah Al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya". (Surah al-Nisa' (4): 82).

Dialog juga telah berlaku di antara Rasulullah SAW dengan penganut Kristian Najran. Berikutan daripada dialog-dialog agama dan beberapa kesimpulan ilmiah yang diperolehi daripada beberapa perbandingan yang telah dilakukan, sebahagian daripada tokoh-tokoh agama Yahudi telah memeluk agama Islam. Di antara mereka ialah 'Abdullah ibn Salam, Tha'labah dan Asad ibn 'Ubaid serta sebahagian daripada penganut Kristian Najran.<sup>9</sup>

## KEMUNCULAN ILMU PERBANDINGAN AGAMA

Kemunculan ilmu Perbandingan Agama sebenarnya adalah hasil daripada cetusan daya ciptaan umat Islam yang terdahulu. Perkara ini telah diperakui oleh sekalian tokoh-tokoh pemikiran berbangsa Arab sama ada dari kalangan orang Islam mahupun bukan Islam. Ini kerana ilmu perbandingan agama tidak pernah lahir sebelum Islam (sebelum Nabi Muhammad SAW diutus menjadi rasul). Ini kerana untuk membuat perbandingan perlu kepada beberapa agama. Di antara alasan mereka yang paling kukuh ialah kerana sebelum Islam, tiada suatu agama pun yang mengiktiraf agama lain, di mana semua agama menganggap agama lain sebagai karut dan sesat belaka.

Penganut agama Yahudi contohnya tidak mengiktiraf agama Kristian dan Nabi Isa a.s. Mereka menganggap Nabi Isa (al-Masih) sebagai pemberontak yang patut dihapuskan. Penganut agama Kristian juga tidak mengakui kebenaran agama Yahudi. Mereka menganggap bahawa agama Kristian adalah sebagai pengganti kepada agama Yahudi, di mana setelah agama Kristian lahir, sepatutnya agama Yahudi sudah tidak ada lagi. Begitu juga hubungan antara penganut-penganut agama Hindu dan Budha, di mana masing-masingnya tidak memberikan pengiktirafan

<sup>9</sup> Dr. Ahmad Shalabi (t.t), *Muqaranah al-Adyan: al-Yahudiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, h. 29.

kepada yang agama yang lain. Hubungan di antara para penyokong pelbagai mazhab di dalam satu-satu agama itu sendiri adalah tidak harmoni. Masing-masing penyokong mazhab menganggap bahawa mazhab mereka sahaja yang betul, manakala mazhab yang lain adalah salah, terseleweng dan sesat.

Sehubungan itu, Prof. Dr. Ahmad Syalabi ada menyebut contoh peristiwa berdarah yang berlaku di Paris pada 24 Ogos 1572, di mana orang-orang Kristian yang bermazhab Katholik telah menyerang penganut-penganut Mazhab Protestant dan menyembelih mereka ketika sedang tidur, sehingga jalan-jalan raya di Paris bermandikan darah. Manakala Pope sendiri telah mengucap tahniah kepada Raja Perancis berikutan daripada peristiwa pembunuhan beramai-ramai tersebut. Inilah sikap penganut-penganut agama terhadap pengikut-pengikut mazhab atau agama-agama lain.

Fenomena di atas tidak mungkin akan mendorong kepada kelahiran ilmu perbandingan agama melainkan setelah berlakunya penyebaran dan kedaulatan Islam selepas kebangkitan nabi Muhammad SAW. Oleh kerana hanya Islam sahaja yang memberi kebebasan kepada kepada manusia untuk menganut mana-mana agama yang disukainya, dan umat Islam sendiri telah diperintahkan supaya melaksanakan kerja-kerja dakwah dengan cara yang berhikmat, memberikan pengajaran yang baik serta berdialog dengan cara yang terbaik, maka boleh dipertegasakan bahawa umat Islamlah yang telah mempelopori kelahiran ilmu Perbandingan Agama.

Setelah datang Islam, ia boleh dilihat daripada dua aspek; iaitu aspek teori dan aspek realiti. Dari segi teori, Islam mengisytiharkan dirinya sebagai syariat terakhir yang selaras dengan syariat (peraturan hidup) yang telah diperjuangkan oleh nabi-nabi yang terdahulu. Dengan ini, ia mewarisi ciri-ciri penting bagi agama-agama terdahulu, ditambah pula keperluan-keperluan manusia yang lain dalam perjalanannya ke hari akhirat<sup>10</sup>. Sehubungan itu, Allah S.W.T telah berfirman:

﴿ شَرَعَ لَكُمْ مِنَ الدِّينِ مَا وَصَّى بِهِ نُوحًا وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى وَعِيسَى أَنْ أَقِيمُوا الدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا فِيهِ ۚ

<sup>10</sup> *Ibid.*

كُذِّبَ عَلَى الْمُشْرِكِينَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ اللَّهُ يَجْتَبِي إِلَيْهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي

إِلَيْهِ مَنْ يُنِيبُ ﴿٤٢﴾

Maksudnya: "Allah telah menerangkan kepada kamu - di antara perkara-perkara agama yang Dia tetapkan hukumNya - apa Yang telah diperintahkanNya kepada Nabi Nuh, dan yang telah Kami (Allah) wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), dan juga yang telah Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa serta Nabi Isa, iaitu: "Tegakkanlah segala ajaran agama, dan janganlah kamu berpecah belah atau berselisihan pada dasarnya". Berat bagi orang-orang musyrik (untuk menerima agama tauhid) yang engkau serukan mereka kepadanya. Allahlah yang memilih sesiapa jua yang dikehendakiNya untuk menerima agama tauhid itu, dan memberi hidayah kepada agamanya itu sesiapa yang rujuk kembali kepadanya (dengan taat)". (Surah al-Shura (42): 13).

Allah S.W.T juga telah berfirman:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

Maksudnya: "Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam". (Surah Ali 'Imram (3): 19).

Firman Allah S.W.T lagi:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ

الْخَاسِرِينَ ﴿٨٥﴾

Maksudnya: "Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi". (Surah Ali 'Imram (3): 85).

Para ahli fikir Islam sependapat bahawa setiap rasul telah diutuskan membawa risalah yang sesuai dengan zamannya dan mencapai matlamatnya. Setiap kali berubah keperluan dan kemaslahatan, datang pula perutusan lain yang sama dengan perutusan yang lalu dari segi asas tauhidnya tetapi berbeza dari segi cabangnya, sesuai dengan keperluan

orang ramai. Inilah sikap Islam terhadap agama-agama yang terdahulu. Hanya Islam sahaja agama untuk masa kini dan untuk masa akan datang sesuai dengan firman Allah S.W.T:

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ﴿١﴾ نَزَّلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَأَنزَلَ التَّوْرَةَ وَالْإِنْجِيلَ ﴿٢﴾ مِن قَبْلُ هَدَىٰ لِلنَّاسِ وَأَنزَلَ الْفُرْقَانَ ۚ إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ۗ وَاللَّهُ عَزِيزٌ ذُو انتِقَامٍ ۚ

Maksudnya: Allah tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang tetap hidup, yang kekal selama-lamanya mentadbirkan sekalian makhlukNya. Dia menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab suci (al-Quran) dengan mengandungi kebenaran, yang mengesahkan isi kitab-kitab suci yang telah diturunkan dahulu daripadanya, dan Dia juga yang menurunkan Kitab-kitab Taurat dan Injil, sebelum (al-Quran diturunkan), menjadi petunjuk bagi umat manusia. dan ia juga Yang menurunkan al-Furqaan (yang membezakan antara yang benar dengan yang salah). Sesungguhnya orang-orang yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah itu, bagi mereka azab seksa yang amat berat. dan (ingatlah), Allah Maha Berkuasa, lagi berhak membalas dengan azab seksa (ke atas golongan yang bersalah)". (Surah Ali 'Imran (3): 3-4).

Kufur terhadap mana-mana kitab yang diturunkan Allah menjadikan seseorang itu sesat dan akan diazab.<sup>11</sup>

Dari aspek realiti pula Islam telah mengiktiraf kewujudan kelompok-kelompok bukan Islam. Al-Qur'an berbincang mengenai ahli kitab. Hadis juga ada menyebut tentang ahli kitab dan *ahli dhimmah*. Al-Qur'an dan hadis mengatur hak-hak dan tanggungjawab mereka. Faktor-faktor inilah yang membawa kepada kelahiran Ilmu Perbandingan Agama. Manakala tiba zaman pembukuan ilmu di pertengahan kurun kedua Hijrah, umat Islam mula menulis mengenai fekah, tafsir, hadis dan lain-lain termasuklah ilmu perbandingan agama juga turut dibukukan. Justeru itu, ilmu perbandingan agama merupakan salah satu daripada ilmu-ilmu Islam, sama seperti ilmu-ilmu Islam yang lain.

<sup>11</sup> *Ibid.*

Di antara ulama yang telah menulis mengenai ilmu ini ialah al-Naubakhti (202 H). Bukunya yang bertajuk (الآراء والديانات) merupakan tulisan yang ulung dalam bidang ini. Kemudian diterbitkan buku (الديانات) oleh al-Mas'udi yang diterbitkan pada tahun 346 Hijriyyah dan seterusnya al-Musabbihi (420 H) mengeluarkan sebuah karangan yang panjang iaitu sebanyak 3,000 halaman bertajuk (درك البغية في وصف الأديان والعبادات).

Selepas itu, lebih banyak lagi buku-buku dalam lapangan ini telah berjaya dilahirkan. Antaranya yang terkenal ialah (الملل والنحل) karangan Abu Mansur al-Baghdadi (429 H), (الفصل في الملل والأهواء والنحل) tulisan Ibn Hazm al-Andalusi (456 H), (الملل والنحل) karangan al-Syahrastani (548 H) dan buku bertajuk (تحقيق ما للهند من مقولة، مقبولة في العقل أو مردوثة) tulisan Abu al-Rayhan al-Biruni (440 H) yang khusus mengenai agama-agama di India sahaja.

Adam Mez dalam bukunya bertajuk (الحضارة الإسلامية) yang ditulis pada kurun ke-4 Hijriyyah menjelaskan bahawa ilmu perbandingan agama adalah ilmu Islam kerana ia lahir ketika pembukuan buku-buku agama. Tetapi ia bukanlah berasaskan al-Qur'an atau berkaitan dengan hadis-hadis nabi. Beliau menjelaskan:<sup>12</sup>

*"Sebenarnya toleransi kaum muslimin dalam kehidupan mereka bersama orang-orang Yahudi dan Kristian merupakan suatu toleransi yang tidak pernah berlaku pada kurun pertengahan. Itulah ilmu perbandingan agama. Ilmu ini bukanlah muncul bagi pihak ahli ilmu kalam. Ini bererti ilmu perbandingan agama bukanlah alat untuk kaum muslimin melanyak agama-agama lain. Tetapi ia merupakan kajian yang menyifatkan Islam tanpa taksub. Ia melahirkan hasil yang tabie. Melalui ilmu ini, beribu-ribu malah berjuta-juta orang masuk Islam".*

Walau bagaimanapun ilmu perbandingan agama menjadi merosot selepas itu kerana beberapa faktor. Di antaranya:

---

<sup>12</sup> *ibid.*, h. 30-32.

**Pertama:** Istana-istana raja dan khalifah ketika itu didiami oleh isteri-isteri daripada kalangan ahli kitab dan doktor-doktor serta menteri-menteri yang bukan Islam. Kekuasaan mereka menyebabkan lemahnya suara perbandingan agama yang mengkritik akidah dan agama mereka yang menyeleweng dan orang Islam menjadi lebih tegas. Kuasa yang ada pada bukan Islam mampu mendiamkan suara-suara yang bercakap mengenai perbandingan agama. Akhirnya ilmu perbandingan agama tidak dipelajari lagi (hilang dari sukatan pelajaran).

**Kedua:** Kemaraan tentera Salib ke timur negara Islam dengan tujuan untuk menghapuskan Islam dan kaum muslimin. Kaum muslimin melawan mereka dengan kekuatan (senjata). Ini kerana tentera Salib jenis orang yang tidak mengerti toleransi agama dan dialog yang baik. Oleh itu hilanglah debat di bawah libasan mata pedang akibat peperangan yang dicetuskan oleh tentera Salib itu sendiri.

**Ketiga:** Pada zaman-zaman kegawatan kaum muslimin ini, ahli-ahli fekah mazhab telah bersikap taksib kepada mazhab masing-masing. Jarang sekali mereka mengkaji mazhab lain, apa lagi untuk meneliti persoalan agama-agama lain. Hal ini menyebabkan mereka menjadi lebih jauh daripada agama-agama lain.

**Keempat:** Sesetengah orang Islam mengambil sikap seperti yang diambil oleh penganut agama-agama sebelum Islam yang tidak mengiktiraf selain agama mereka. Oleh itu, mereka tidak tahu perbezaan yang boleh dibuat antara agama-agama yang ada.

Di samping itu, terdapat dalam kalangan umat Islam sendiri golongan yang menyerang ilmu perbandingan agama kerana menganggap bahawa Islam tidak boleh diperbandingkan dengan mana-mana agama lain. Mereka lupa bahawa al-Qur'an al-Karimlah yang meletakkan asas ilmu ini, di mana terdapat ayat-ayat al-Qur'an yang merestui perbandingan agama.

Ini semua mengakibatkan berlakunya perpindahan ilmu perbandingan agama ke Eropah. Ini kerana umat Islam pada zaman kegelapannya mengabaikan ilmu ini kerana sebab-sebab yang telah disebutkan di atas. Bagaimanapun, ternyata orang-orang Kristian mengambil sikap berbeza dengan kaum muslimin. Ini berikutan dengan pertemuan-pertemuan yang berlaku secara aman antara kaum muslimin dan penganut-penganut Kristian yang berlaku di Mesir, Syam, Sepanyol dan Sicilia yang mendedahkan mereka kepada ilmu perbandingan agama. Lalu mereka mempelajari asas-asasnya dan cuba memanfaatkannya.

Setelah tiba zaman penjajahan golongan pendiayah Kristian yang berpengalaman, mereka telah membuat beberapa resolusi yang berkaitan dengan ilmu perbandingan agama seperti berikut:

- (1) Setiap insan termasuk materialis dan yang mengaku sebagai ateis sebenarnya mempunyai naluri keagamaan dalam benak atau hatinya.
- (2) Ikatan agama tidak kurang kuatnya berbanding ikatan darah daging dan keturunan.
- (3) Pengetahuan pendakwah atau pendiayah mengenai agama dan akidah orang yang didakwahkan banyak membantu dalam mempengaruhinya.

Dengan yang demikian, penyebaran ilmu perbandingan agama di Barat menjadi lebih aktif untuk menjadi wadah penyebaran agama Kristian. Kemudian ilmu ini kembali ke pangkuan umat Islam setelah mereka sedar dari tidurnya. Mereka cuba memacunya semula untuk dijadikan senjata dalam penyebaran Islam.<sup>13</sup>

## **KEPENTINGAN ILMU PERBANDINGAN AGAMA**

Dakwah kepada bukan Islam memerlukan metod yang sesuai dan mantap supaya usaha dakwah mendapat tarikan. Langkah pertama yang perlu dilakukan untuk berdakwah kepada bukan Islam ialah cuba memahami dasar-dasar agama mereka, adat-adat kebudayaan dan pantang larang mereka. Untuk membolehkan kegiatan dakwah Islam menjadi lebih bertenaga, usaha-usaha mengetahui perkara-perkara tersebut hendaklah dilakukan dan diberikan penekanan utama sebelum memulakan dakwah. Dalam hal ini, mempelajari perbandingan agama, terutama agama-agama besar dunia seperti Kristian, Yahudi, Budha, Hindu dan Sikh adalah sangat perlu dititikberatkan. Usaha dakwah tanpa mengetahui dasar-dasar agama dan adat kebudayaan sesuatu kaum boleh menyebabkan objektif dakwah tidak akan tercapai bahkan ia juga boleh membawa kesan yang sebaliknya.<sup>14</sup>

Perbincangan al-Qur'an yang penjang lebar mengenai agama Yahudi dan Kristian sepatutnya mendorong kita untuk mengetengahkan keperluan ilmu perbandingan agama terutama untuk zaman ini. Orang-orang Yahudi yang merupakan sebahagian daripada masyarakat Arab dan

<sup>13</sup> *Ibid.*

<sup>14</sup> Ab Aziz Mohd Zin (2001), *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, h. 222-221.

masyarakat Eropah, di mana akidah dan sejarah mereka boleh dikaji dengan lebih mudah untuk membolehkan kita menghadapi mereka sama ada secara aman atau peperangan. Orang-orang Kristian pula lebih ramai bilangannya berbanding Yahudi yang hidup di kebanyakan negara Arab dan bukan Arab. Mereka hidup bersama orang-orang Islam; berkongsi jalan raya, pasar, malah flat atau rumah kediaman dengan orang-orang Islam.

Apa yang jelas ialah orang-orang Yahudi dan Kristian mengetahui banyak perkara tentang Islam. Yang aibnya mereka mengetahui semua perkara tentang kita, tetapi kita orang Islam jahil dan tidak mengenali agama, budaya dan pantang larang mereka. Dari sinilah seseorang muslim yang mempunyai kepakaran dalam pengajian Islam yang tidak mempunyai ilmu yang mencukupi tentang Yahudi dan Kristian dianggap sebagai orang yang tidak sempurna pengetahuan agamanya. Justeru itu, mereka sepatutnya berusaha mendalami ilmu ini. Hal ini menjadikan mereka mampu berdialog jika mereka berhadapan dengan seorang paderi dalam usaha mengajak mereka mengenali jalan yang direcai oleh Allah S.W.T, sebagai menghayati firmanNya:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۚ وَجِدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ  
بِالْمُهْتَدِينَ.

Maksudnya: "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berdailoglah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang terbaik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk". (Surah al-Nahl (16): 125).

Sehubungan ini, Dr. Ahmad Syalabi menjelaskan bahawa bukan orang yang arif tentang pengajian Islam sahaja yang patut mengetahui kadar tertentu mengenai Yahudi dan Kristian, tetapi setiap cendekiawan patut mengetahui kadar tersebut. Ini kerana ia dianggap sebagai pengetahuan mengenai sejarah dan tamadun.

## **PENUTUP**

Sebenarnya terdapat banyak fakta yang membuktikan bahawa ilmu perbandingan agama adalah salah satu daripada ilmu-ilmu Islam. Ia difahami daripada ayat-ayat al-Qur'an dan hadis serta pendapat para ulama sepanjang zaman. Ketika ilmu-ilmu Islam dibukukan, ilmu perbandingan agama turut dibukukan sebagai salah suatu ilmu yang dicetus dan dipelopori oleh para ulama Islam dan sekali gus sebagai salah satu media dan bekalan dakwah yang sangat penting dan berkesan. Sejarah telah membuktikan bahawa ramai orang bukan Islam telah memeluk Islam melalui ilmu ini. Ilmu ini bagaimanapun pernah hilang daripada lipatan sejarah Islam angkara Perang Salib dan kuasa orang-orang bukan Islam yang hidup di kalangan orang Islam, dan juga akibat daripada sikap taksub golongan-golongan Islam sendiri terhadap mazhab masing-masing. Kealpaan ilmuwan Islam tentang keperluan ilmu perbandingan agama bagaimanapun tidak berlanjutan dalam tempoh yang lama. Setelah diabaikan beberapa waktu, mereka menerima semula ilmu ini kerana mereka sedar bahawa ilmu ini adalah pelengkap kepada ilmu mereka terutama bagi bidang pengajian Islam. Kesedaran itu wujud setelah ilmu ini mendapat tempat di kalangan orang-orang Kristian kerana dianggap sebagai media diayah Kristian.